

18 FEB 2000

ASN 2-DIVIDEN

PELABURAN ASN 2 DIJANGKA MENINGKAT SELEPAS DIVIDEN JUN INI

ALOR SETAR, 18 Feb (Bernama) -- Potensi pelaburan terhadap Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2) dijangka mencatatkan peningkatan apabila Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan dividen pertamanya pada Jun ini, kata Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman.

Bagaimanapun, beliau tidak pula menyatakan peratusan nilai pulangan dividen yang bakal diterima oleh para pelabur ASN 2, tetapi menjangkakan suatu pulangan yang memuaskan.

Sehingga kini ASN 2, produk baru diperkenalkan sejak enam bulan lepas, gagal mencapai sasarannya apabila minat pelabur berkurangan sejak harga pasarannya meningkat naik berbanding harga yang ditawarkan pada mula operasi, kata Hamad Kama kepada pemberita di Majlis Mesra Bersama PNB yang dihadiri ejen-ejenya di sini, malam tadi.

"Setakat ini hanya RM260 juta yang terkumpul berbanding sasarannya sebanyak RM1 bilion nilai saham yang dijangka bagi enam bulan pertama ini," katanya.

ASN 2 belum ada lagi sebarang rekod dan harga pasaran pula sekarang ini mencatatkan kenaikan, maka dengan itu para pelabur akan berhati-hati dan mengambil sikap "tunggu dan lihat" daripada membuat pelaburan.

"Setakat ini harga pasaran ASN 2 antara RM1.15 hingga RM1.20 seunit berbanding harga tawaran RM1.00 seunit pada mulanya... jadi ramai pelabur yang berharap agar harganya turun semula untuk membeli," katanya lagi.

Hamad Kama Piah berkata, jika pasaran saham itu menunjukkan prestasi baik beserta dividen memuaskan nanti, keyakinan pelabur untuk membelinya akan meningkat semula walaupun harganya masih bertahan pada tahap sekarang.

Beliau menjelaskan bahawa ASN 2 adalah konsep pelaburan jangka panjang, tetapi para pelabur hanya memikirkan keuntungan jangka pendek semata-mata menyebabkan ianya kurang diminati. Di samping itu pelaburan minimum ialah sebanyak 1,000 unit, tambahnya.

Selain ASN 2, PNB kini mengendalikan empat saham amanah lain, iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Hartanah PNB dengan pelaburan melebihi RM30 bilion melibatkan tujuh juta pelabur sejak 22 tahun penubuhannya.

Bagi ASW 2020 pula, katanya, tiada apa yang perlu dibimbangkan walaupun kuota untuk pelaburan bukan Bumiputera telahpun mencapai had RM1.9 bilion, manakala pelaburan untuk Bumiputera baru mencecah RM371 juta.

ASW 2020 adalah pelaburan saham amanah untuk mereka berusia di bawah 29 tahun. Saham amanah tersebut turut memberi peluang kepada bukan Bumiputera menyertainya berdasarkan kuota 49:51 untuk bukan Bumiputera berbanding Bumiputera.

"Di samping menunjukkan keyakinan bukan-Bumiputera terhadap saham amanah yang dikendalikan oleh Bumiputera, faktor lain mereka capai kuota lebih awal kerana Bumiputera mempunyai pilihan saham-saham amanah yang lain untuk melabur tetapi bukan Bumiputera terhad kepada saham ini sahaja," katanya.

Mengenai Minggu Saham Amanah Malaysia, yang pertama kali diperkenalkan, Hamad Kama berpendapat sebagai sesuatu sambutan yang unik dalam usaha menarik minat orang ramai terhadap pelaburan saham-saham amanah.

PNB yang bertanggungjawab menganjurkan acara sambutan itu pada 20 April nanti, memberi jaminan ianya akan disambut meriah dengan dipenuhi pelbagai acara menarik.

"Ianya akan dilihat sebagai suatu peristiwa yang bersejarah sepertimana

pelancaran Amanah Saham Bumiputera (ASB), yang dinanti-nantikan oleh orang ramai suatu ketika dahulu," katanya.

Minggu itu diadakan berikutan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telahpun mengistiharkan tarikh setiap 20 April, sebagai hari sambutan saham amanah yang perlu disambut pada setiap tahun, bermula tahun 2000 ini.

-- BERNAMA

MN JM MA